


Newspaper	Suara Keadilan
Date	27/03/2012

# Tukar SBPA ke SSM: Najib tertekan tuntutan rakyat



NURUL IZZAH ANWAR

**PEMBATALAN** Skim Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) yang diumumkan Perdana Menteri Najib Razak 8 Mac lalu melambangkan betapa terdesaknya kerajaan BN berhadapan undi rakyat dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13.

Di samping itu ia juga menunjukkan kegagalan pentadbiran beliau dalam memperhalusi sesuatu dasar sebelum dilaksanakan.

Naib Presiden KEADILAN Nurul Izzah Anwar menyifatkan pentadbiran Najib tidak prihatin terhadap kesukaran rakyat mengharungi kehidupan dalam merangka dasar yang penting.

“Pembatalan ini menunjukkan kegagalan berterusan kera-

jaan Umno BN dalam mengam- bil kira pendapatan golongan yang terkesan sebelum merangka dan mengumumkan dasar-dasar

“Wujud jurang pendapatan yang lebar dalam perkhidmatan awam antara gaji terendah dan tertinggi, dianggarkan 19.5 kali ganda dari gred 1 hingga 54.

“Hanya setelah didesak menerusi kritikan Pakatan Rakyat dan wakil-wakil Cuepacs barulah tindakan seraya ‘sudah terhantuk baru terngadah’ diambil oleh Perdana Menteri,” sinisnya yang juga Ahli Parli- men Lembah Pantai dalam satu kenyataan.

Dalam pada itu, Nurul menca-

dangkan agar beberapa prinsip diterima pakai oleh kerajaan pada masa depan bagi membe- la nasib pekerja, terutama yang berpendapatan rendah.

“Kenaikan gaji bagi golongan penjawat awam gred terendah haruslah membolehkan mereka menerima gaji ‘sara hidup’, de- ngan jumlah sekurang-kurangnya RM1,100 seperti yang di- cadangkan dalam Belanjawan Pakatan Rakyat 2012.

“SSM pula perlu lebih kom- rehensif, termasuklah peranca- ngan peningkatan produktiviti yang melibatkan perbincangan dengan semua pihak secara ter- buka, bukannya secara tertutup dan terus dilaksanakan,” tam- bahnnya.

*Suara Keadilan - 27/3/2012*

Selain itu, beliau menekan- kan agar kerajaan berusaha membasmi pembaziran, ketiris- an dan amalan rasuah dengan menggalakkan penggunaan Ak- ta Perlindungan Pemberi Mak- lumat serta pemberian saguha- ti di atas laporan salah laku kewangan kerajaan.

Pelarasan gaji di bawah SSM menyaksikan Kumpulan Pengu- rusan dan Profesional serta Pe- laksana Gred 1 hingga 54 me- nikmati kenaikan sebanyak 13 peratus.

Sementara Gred Utama dan Gred Khas C, B dan A akan me- nikmati pelarasan 9 peratus, Turus III dan II (8 peratus) dan Turus I serta Ketua Setiausaha Negara (7 peratus).